



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 8 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,340 kes** (192,679 kes kumulatif, 78.5%);
- Kes baharu : **3,100 kes** (245, 552 kes kumulatif);
- Kes import : **1 kes** (1 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **3,099 kes** [1,619 warganegara (52.2%); 1,480 bukan warganegara (47.8%)];
- Kes aktif : **51,977 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **282 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **134 kes**; dan
- Kes kematian : **24 kes** (896 kes kumulatif , 0.36%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,196 kes (38.6 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **986**

**kes (82.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **490 kes (15.8 peratus)** dan Melaka sebanyak **344 kes (11.1 peratus)**.

Sebanyak **29 kes (0.9 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster DTI Sepang 2 (9 kes), Kluster Penjara Kepayan (6 kes), Kluster Tembok Renggam (4 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (3 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (1 kes), dan Kluster Tembok Bukit Besi (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tujuh (7) kes di Selangor, masing-masing tiga (3) kes di Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua (2) kes di Perak dan Johor, serta satu (1) kes di Kelantan, Melaka, Kedah, dan Pulau Pinang. Sebanyak 21 kes melibatkan warganegara dan tiga (3) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 8 Februari 2021;

- Jumlah kluster : **908 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **13 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **457 kluster** (termasuk **tiga (3)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Kolam Permai, Kluster Timbang Dayang, dan Kluster Pompod**);
- Jumlah kluster aktif : **451 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **79 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Industri Serkam (329 kes), Kluster Tanjung Suria (218 kes), dan Kluster Sungai Putus (166 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **13 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 11 kluster berkaitan tempat kerja, serta masing-masing satu (1) kluster komuniti dan kumpulan berisiko tinggi .

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Jalan Teknologi	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Sungai Rasa	Selangor	Tempat Kerja
3	Tapak Bina Persiaran Mokhtar	Selangor	Tempat Kerja
4	Persiaran Hulu	Selangor	Tempat Kerja
5	Sri Menanti	Johor	Tempat Kerja
6	Jalan Harmonium	Johor	Tempat Kerja
7	Jalan Cyber Lima	Johor	Tempat Kerja
8	Laman Desaru	Johor	Tempat Kerja
9	Lengkok Pantai	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
10	Batu 38	Sabah	Tempat Kerja
11	Kampung Tandak	Terengganu	Tempat Kerja
12	Sebangkoi	Sarawak	Komuniti
13	Taman Bukit Petaling	Negeri Sembilan	Kumpulan Berisiko Tinggi

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

8 Februari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 8 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,196	79,580
<b>SABAH</b>	169	50,543
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	295 (1)	29,518
<b>JOHOR</b>	490	27,134
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	104	12,498
<b>PULAU PINANG</b>	209	9,150
<b>PERAK</b>	72	6,924
<b>KEDAH</b>	37	6,302
<b>SARAWAK</b>	84	5,760
<b>MELAKA</b>	344	5,140
<b>KELANTAN</b>	30	3,634
<b>PAHANG</b>	28	3,406
<b>TERENGGANU</b>	30	2,618
<b>WP LABUAN</b>	0	2,194
<b>WP PUTRAJAYA</b>	8	963
<b>PERLIS</b>	4	188
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,100 (1)</b>	<b>245,552</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 3,100 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 8 Februari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 1,196 kes**

- 589 kes daripada kluster-kluster; termasuk 80 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Teknologi, Kluster Jalan Sungai Rasa, Kluster Tapak Bina Persiaran Mokhtar, dan Kluster Persiaran Hulu;**
- 397 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 210 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 490 kes**

- 266 kes daripada kluster-kluster, termasuk 119 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Cyber Lima, Kluster Sri Menanti, Kluster Laman Desaru, dan Kluster Jalan Harmonium;**
- 94 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 130 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 344 kes**
  - 333 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 295 kes**
  - 56 kes daripada kluster-kluster, termasuk 20 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lengkok Pantai**;
  - 130 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - 108 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 209 kes**
  - 142 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 23 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 44 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 169 kes**
  - 35 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Batu 38**;
  - 100 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan



- 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 104 kes**
  - 12 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Bukit Petaling**;
  - 57 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 35 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: 84 kes**
  - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sebangkoi**;
  - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 32 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 72 kes**
  - 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 37 kes**
  - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 30 kes**
    - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
    - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 30 kes**
    - 11 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Tandak**;
    - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 28 kes**
    - 23 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lapan (8) kes**
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perlis: Empat (4) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan 24 kes kematian pada 8 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
873	104131	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
874	152498	Selangor	Lelaki (WN)	53	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, obesiti, dan <i>Obstructive Sleep Apnea</i> (OSA)
875	166812	Sabah	Lelaki (WN)	60	Hospital Lahad Datu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
876	168764	Sarawak	Lelaki (WN)	89	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi dan dislipidaemia
877	176319	Selangor	Lelaki (WN)	89	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, buah pinggang kronik, jantung, dan strok
878	190087	Sarawak	Lelaki (WN)	74	Hospital Sibu	-
879	191804	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	64	Hospital Kuala Lumpur	-
880	193723	Kedah	Perempuan (WN)	71	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis

881	197973	Kelantan	Perempuan (WN)	44	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi dan anemia
882	212825	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	88	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan asma
883	218763	Perak	Lelaki (WN)	80	Hospital Seri Manjung	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
884	219505	Selangor	Perempuan (WN)	62	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
885	221518	Johor	Perempuan (WN)	83	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit jantung
886	225963	Johor	Perempuan (WN)	59	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
887	234469	Sarawak	Perempuan (WN)	60	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
888	239143	Selangor	Lelaki (WN)	84	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
889	240318	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
890	240320	Selangor	Perempuan (WN)	92	Hospital Sungai Buloh	<i>Dementia</i>

891	240480	Sabah	Lelaki (WN)	63	Jenazah dibawa ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit saraf
892	241675	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	98	Hospital Pulau Pinang	Penyakit paru-paru obstruktif kronik (COPD) dan <i>dementia</i>
893	241753	Perak	Lelaki (WN)	45	Jenazah dibawa ke Hospital Tapah, Batang Padang	-
894	150866	Melaka	Lelaki (BWN)	50	Jenazah dibawa ke Hospital Alor Gajah	-
895	182211	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	52	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
896	240481	Sabah	Perempuan (BWN)	48	Jenazah dibawa ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian 13 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

### **1. KLUSTER JALAN SUNGAI RASA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Sungai Rasa Lama, Kawasan Perindustrian Sungai Rasa, Klang. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 79 individu telah disaring, di mana **35 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **2. KLUSTER JALAN TEKNOLOGI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Teknologi dan Taman Sains Selangor, Petaling. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 350 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER PERSIARAN HULU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah syarikat pembinaan di Persiaran Hulu Selangor, Shah Alam. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 54 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER TAPAK BINA PERSIARAN MOKHTAR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 7 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Persiaran Mokhtar Dahari, Puncak Alam, Kuala Selangor. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 147 individu telah disaring, di mana **85 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **5. KLUSTER JALAN CYBER LIMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Cyber 5, Kulai. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 150 individu



telah disaring, di mana **101 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER JALAN HARMONIUM**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah pusat beli belah di Jalan Harmonium, Taman Desa Tebrau, Johor Bahru. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 78 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER SRI MENANTI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kluang di Johor. Tiga (3) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-233861, kes ke-233873, dan kes ke-233877) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Februari 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam di Taman Sri Menanti, Kluang. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 20 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **8. KLUSTER LAMAN DESARU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-193101) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokasi di mana kes-kes dilaporkan iaitu di Laman Desaru Coast, Bandar Penawar, Kota Tinggi. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 228 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER LENGKOK PANTAI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah daerah Kepong, Lembah Pantai, dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 27 Januari 2021 hasil saringan bersasar terhadap pekerja-pekerja sebuah syarikat pembersihan yang bertugas di Lengkok Pantai Baharu, Jalan Pantai Baharu, Lembah Pantai. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 122 individu telah disaring, di mana **29 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **10. KLUSTER BATU 38**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kalabakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-229123) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat di Batu 38, Jalan Kalabakan-Keningau, Kalabakan. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 38 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **11. KLUSTER SEBANGKOI**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Sri Aman di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-214538) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti dimana kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Sebangkoi, Undop, Sri Aman. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 447 individu telah disaring, di mana **23 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **12. KLUSTER TAMAN BUKIT PETALING**

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Seremban dan Jelebu di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi

kluster ini (iaitu kes ke-230336) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu sebuah pusat perubatan yang terletak di Taman Bukit Petaling, Kuala Klawang. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 187 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **13. KLUSTER KAMPUNG TANDAK**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Besut dan Setiu di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-226873) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat perkhidmatan. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Kampung Tandak, Jerteh, Besut. Sehingga 8 Februari 2021, sejumlah 196 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.